

## KHUTBAH JUMAAT

### “BAHAYA AJARAN SESAT”

(8 Ogos 2025M/ 14 Safar 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقُولِ السَّدِيقِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Berikanlah perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Hindarkanlah daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon bimbit, berbual-bual dan sebagainya. Khutbah pada kali ini membawa tajuk penting kepada masyarakat iaitu '**Bahaya Ajaran Sesat**'. Firman Allah *subhanahu wa ta'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 153:

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا آلَّسْبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ  
عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٥٣)

**Maksudnya:** *Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang lurus. Maka, hendaklah kamu menurutinya dan janganlah kamu menuruti jalan-jalan (yang lain daripada Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) memisahkan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itulah Allah memerintahkan kamu supaya kamu bertakwa.*

Pada hari ini, umat Islam berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran akidah yang kompleks. Ajaran sesat bukan sahaja merosakkan iman individu, malah menggugat perpaduan ummah dan kestabilan masyarakat. Ia sering disebarluaskan secara licik, menyamar atas nama agama dan mengguna pakai istilah-istilah Islam, tetapi memesongkan makna sebenar syariat. Lebih membimbangkan, media sosial kini dijadikan saluran utama penyebarannya.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-9 yang bersidang pada 29 Syaaban 1426H bersamaan 3 Oktober 2005M telah memutuskan bahawa punca berlakunya penyelewengan akidah ialah melalui penyebaran buku-buku berunsur ajaran sesat, penonjolan diri melalui kemahiran perubatan dan agama semata-mata dan sebagainya.

Selain itu, menurut data daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terdapat 80 ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut Akidah, Syariah dan Akhlak antaranya :

- [1] Mendakwa sebagai Tuhan;
- [2] Mendakwa sebagai nabi atau rasul;
- [3] Mendakwa selain Allah *subhanahu wata'ala* (makhluk) juga mampu mendatangkan sesuatu (manfaat dan mudarat);
- [4] Mendakwa solat atau apa-apa amalan yang disyariatkan memadai dengan niat;
- [5] Mendakwa fardhu haji boleh juga ditunaikan selain di Mekah;
- [6] Mendakwa tidak perlu mengikut syariat sekiranya tasawwuf telah sempurna.

Di Sarawak pula, beberapa ajaran telah difatwa dan diwartakan sesat seperti Al-Arqam (1994), Syiah (1996), Millah Ibrahim @ Abraham (2023), dan yang terbaru ajaran Suhaini Mohammad atau "Si Hulk" (2024).

Mengenali ajaran sesat membolehkan kita mengenal pasti ancaman terhadap akidah dan memelihara perpaduan masyarakat. Ia juga mencetus kesedaran untuk berdakwah, memberi nasihat serta melaporkan kegiatan sesat kepada pihak berkuasa demi keharmonian umat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Khatib ingin menekankan bahawa menjaga kesucian akidah adalah tanggungjawab bersama. Ibu bapa, pendidik, dan pemimpin masyarakat mesti berganding bahu untuk memastikan hanya ajaran yang sahih menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah disampaikan kepada masyarakat. Institusi agama juga perlu memainkan peranan dalam memperkasa pemantauan serta pendidikan secara berterusan.

Daripada Irbadh bin Sariyah *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( ... فَإِنَّهُ مَنْ يَعِيشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرِى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنْتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الْمَهْدِيَّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا، وَعَصُّوَا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُخْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُخْدَثَةٍ بِدُعَّةٍ، وَكُلَّ بِدُعَّةٍ ضَلَالَةٌ ))

**Maksudnya:** ... *Dan sesungguhnya sesiapa dalam kalangan kamu yang masih hidup sepeninggalanku, maka dia akan melihat perselisihan yang banyak. Maka wajib atas kamu untuk berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para Khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk. Berpegang teguhlah dengannya, dan gigitlah ia dengan gigi geraham kamu, dan berhati-hatilah kamu terhadap perkara yang diada-adakan. Maka setiap (sebahagian) perkara yang diada-adakan itu adalah bid'ah, dan setiap bid'ah itu adalah sesat.*

(*Hadis riwayat Imam Abu Daud*)

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara yang boleh kita ambil sebagai peringatan;

**Pertama:** Menjauhi segala bentuk ajaran sesat dengan hanya merujuk kepada sumber ajaran Islam yang muktabar;

**Kedua:** Sentiasa menuntut ilmu dan memelihara diri dan keluarga daripada pengaruh yang boleh memesongkan akidah;

**Ketiga** : Segera melaporkan sebarang kegiatan ajaran sesat kepada Pejabat Agama Islam yang terdekat.

Firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah al-Anam, ayat 56 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
قُلْ إِنِّي نُهِيَتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ ۚ قُلْ لَا أَتَبِعُ  
أَهْوَاءَكُمْ ۖ قَدْ ضَلَّلْتُ إِذَا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ (٥٦)

**Maksudnya:** Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesungguhnya aku dilarang menyembah tuhan-tuhan yang kamu sembah selain Allah". Katakanlah, "Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu. Sesungguhnya, tersesatlah aku jika berbuat demikian dan tidaklah (pula) aku termasuk dalam golongan orang yang mendapat hidayah petunjuk."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَهُنَّا كُلُّهُمْ مُسْلِمٌ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Perkuuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( يَا سَعْدُ، أَطِبْ مَطْعَمَكَ تَكُنْ مُسْتَجَابَ الدَّعْوَةِ، وَالَّذِي نَفْسُ  
مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، إِنَّ الْعَبْدَ لِيَقْدِفُ الْلُّقْمَةَ الْحَرَامَ فِي جَوْفِهِ مَا يُتَقَبَّلُ مِنْهُ  
عَمَلَ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، وَأَيْمَانًا عَنْدِ نَبْتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّخْتِ وَالرِّبَّا فَالنَّارُ  
أَوْلَى بِهِ ))

**Maksudnya:** Wahai Saad! Elokkanlah makananmu, engkau akan jadi orang yang mustajab doa. Demi (Tuhan) Yang nyawa Muhammad di tangan-Nya, sesungguhnya seseorang hamba yang mencampakkan satu suapan yang haram ke dalam rongganya,

*lantas tidak diterima daripadanya amal selama empat puluh hari". Dan Baginda menambah: "Mana-mana hamba yang tumbuh dagingnya dari yang haram dan riba, maka Nerakalah yang layak dengannya.*

*(Hadis riwayat Imam al-Tabarani)*

Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الْنَّبِيِّ وَآئِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَبَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, kefaian, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.